

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji,
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

Pengerusi Lembaga Tabung Haji Lawat Keluarga Allayarhamah Saodah Binti Mat Isa

SERI KEMBANGAN : Jumaat, 25 Oktober 2013: Yang Berhormat Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi Lembaga Tabung Haji (**TH**) pada hari ini menziarahi keluarga Allayarhamah Saodah Binti Mat Isa, 92 di Taman Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor.

Allayarhamah Saodah Binti Mat Isa merupakan jemaah haji ke-15 negara ini yang telah meninggal dunia di Tanah Suci pada musim haji 1434H. Beliau dilaporkan telah meninggal dunia pada Selasa, 22 Oktober 2013 jam 9.45 malam (waktu Saudi) akibat serangan angin ahmar / strok di Hospital Hira', Makkah. Jenazah Allayarhamah Saodah Binti Mat Isa telah diuruskan oleh para petugas **TH** di Makkah dan telah dikebumikan di tanah perkuburan Syaraek.

Yang Berhormat Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dalam kenyataannya yang mewakili seluruh warga kerja **TH** merakamkan ucapan takziah buat keluarga Allayarhamah Masitah Mohamed Noor. Beliau berharap semoga seluruh keluarga terutamanya diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi ujian dan kehilangan insan tercinta. Beliau juga turut mendoakan agar roh Allahyarhamah dicucuri rahmat, mendapat keampunan Allah SWT, serta ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh.

Dalam lawatan yang sama, Yang Berhormat Dato' Azeez juga telah menyerahkan bantuan khairat kematian sumbangan **TH** kepada waris Allahyarhamah.

Turut serta dalam program ziarah ini adalah para pegawai serta kakitangan **TH** khususnya dari Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, harta tanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.